

**Khairy Harap Diberi Mandat Sekali Lagi Terajui Pemuda Umno
Bernama
9 Sept, 2013**

KUALA LUMPUR, 9 Sept (Bernama) --Ketua Pemuda Umno Khairy Jamaluddin berharap diberikan mandat sekali lagi untuk menerajui sayap parti itu pada pemilihan bulan depan.

Khairy berkata harapan itu dizahirkannya berikutan banyak lagi urusan yang perlu ditanganinya sebagai ketua pergerakan itu.

"Saya kini turun berjumpa anggota Pemuda di peringkat akar umbi. Syukur penerimaan mereka baik. Mereka tahu rekod pencapaian saya," katanya kepada pemberita selepas menghadiri Minggu Haluan Siswa Pelajar Baharu di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) di Kampus Gombak dekat sini Isnin.

Ditanya mengenai kemungkinan beliau dicabar dalam pertandingan jawatan itu, Khairy yang juga Menteri Belia dan Sukan berkata beliau tidak tahu mengenainya kerana pencalonan hanya bermula pada hujung bulan ini.

Khairy dipilih sebagai Ketua Pemuda bagi penggal 2008/2011 selepas memperoleh 304 undi untuk mengalahkan Datuk Seri Dr Mohd Khir Toyo (254 undi) dan Datuk Mukhriz Tun Dr Mahathir (232 undi)).

Pemilihan jawatan tertinggi sayap Wanita, Pemuda dan Puteri Umno akan diadakan bulan depan.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=976345>